

KEBERKESANAN MODUL ULUL ALBAB SECARA ATAS TALIAN: SATU KAJIAN DI UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

Abdul Hanis Embong^{1*}, Mohd Faiz Mohd Yasin², Maziah Ghazaly³

^{1,2} Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu

³ Fakulti Sains dan Sekitaran Marin, Universiti Malaysia Terengganu

hanis.embong@umt.edu.my

Published: 22 December 2021

To cite this article (APA): Embong, A. H., Mohd Yasin, M. F., & Ghazaly, M. (2021). Keberkesanan Modul Ulul Albab secara atas talian: Satu kajian di Universiti Malaysia Terengganu. *Firdaus Journal*, 1(1), 93-102. <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol1.1.9.2021>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol1.1.9.2021>

ABSTRAK

Ulul Albab merupakan istilah yang tidak asing lagi di Malaysia. Ia dikaitkan dengan konsep pembelajaran integrasi antara aspek keagamaan dengan akademik sama ada pada peringkat rendah, menengah mahu pun tinggi. Di institusi pendidikan tinggi seperti di Universiti Malaysia Terengganu misalnya, terdapat kursus berbentuk keagamaan yang membawa konsep Ulul Albab telah ditawarkan kepada pelajar dikenali dengan kursus Personaliti Ulul Albab. Kursus ini memfokuskan kepada hafalan al-Quran serta memahami elemen Ulul Albab yang digariskan oleh al-Quran. Namun begitu, Modul Ulul Albab ini terpaksa dilaksanakan secara atas talian sepenuhnya oleh kerana Perintah Kawalan Pergerakan PKP. Oleh itu, dua objektif artikel ini telah ditetapkan iaitu melihat keberkesanan Modul Ulul Albab secara atas talian dan kemampuan kursus dalam memberi penghayatan kerohanian keagamaan dalam diri pelajar. Kajian ini berbentuk kuantitatif dengan menggunakan soal selidik *Google Form* untuk mendapatkan maklumat responden dan dianalisis menggunakan *Microsoft Excel* seterusnya dipaparkan melalui 7 graf perbandingan. Hasil kajian menunjukkan keberkesanan modul yang digunakan meskipun dilaksanakan secara atas talian, manakala 78.1% responden bersetuju kursus ini mampu memberi penghayatan kerohanian agama dalam diri pelajar. Penghayatan kerohanian ini amat penting kepada para pelajar khususnya yang bukan mengambil jurusan keagamaan di UMT agar dapat menyeimbangi perihal pelajaran, sosial dan agama sepanjang pengajian seterusnya membentuk personaliti Ulul Albab dalam diri mereka.

Kata kunci: *Keberkesanan, Modul Ulul Albab, Atas Talian, Universiti Malaysia Terengganu, Personaliti Ulul Albab, Penghayatan Kerohanian.*

PENDAHULUAN

Secara umumnya, kursus Personaliti Ulul Albab di Universiti Malaysia Terengganu adalah baru dan telah mula ditawarkan pada tahun 2016 kepada semua pelajar Muslim yang berminat dalam mendalami agama dan isi kandungan al-Quran. Ia adalah kursus terbuka dan bertaraf ko-kurikulum. Kursus tersebut adalah salah satu daripada 6 kursus Gagasan Ulul Albab yang dibentuk di Pusat Pendidikan Asas dan

Lanjutan (PPAL) iaitu Personaliti Ulul Albab, Al-Quran dan Dunia Moden, Fiqh Ibadah, Da'i dan Masyarakat, Tasawur Islam, Hadis Pilihan.

Secara khususnya, ia telah berjaya menarik minat para pelajar dengan sambutan yang menggalakkan sehingga 150 jumlah pelajar yang mendaftar dalam satu kumpulan. Antara keunikan yang diperolehi oleh pelajar sepanjang sesi kuliah antaranya adalah pengetahuan bacaan al-Quran melalui talaqqi dan tasmik yang menggantikan peperiksaan akhir, pengetahuan tentang sarjana Muslim dalam bidang sains teknologi sama ada silam mahu pun kontemporari, pengaplikasian ayat-ayat al-Quran berbentuk kawaniyyah (alam semesta) dalam pembelajaran, serta pengetahuan tentang elemen Ulul Albab Quranik-Ensaiklopedik-Ijtihadik.

Bermula daripada penawaran pertama pada tahun 2016 sehingga ke 2021, pelbagai bentuk perubahan dilakukan agar mampu memaksimumkan tahap kefahaman pelajar terhadap konsep dan hala tuju konsep Ulul Albab ini. Perubahan tersebut termasuklah menghadkan jumlah dalam satu-satu kumpulan kelas kepada 30 orang pelajar sahaja, elemen penilaian tasmik dan tugas-tugas berkumpulan atau individu yang lebih efektif, pembangunan Studio Al-Quran UMT. Termasuk dalam perubahan tersebut adalah pembentukan modul Ulul Albab yang seiring dengan maklumat-maklumat terkini sebagai panduan.

Selain itu, perubahan kursus ini turut melibatkan kaedah pengajaran yang sebelum ini dijalankan secara bersemuka kepada pembelajaran atas talian. Bermula tahun 2020 dan 2021 apabila pandemik Covid-19 melanda, maka terpaksa dilaksanakan secara atas talian sepenuhnya.

Latar Belakang

Di Malaysia khususnya, konsep Ulul Albab ini diserapkan dalam pembelajaran pelbagai peringkat dengan pelbagai kaedah dan tasiran sebagai kesinambungan perbincangan mengenai konsep dan pengertian Ulul Albab yang menjadi wadah serta agenda kerajaan dalam mendidik masyarakat pada masa kini (Zulkifli Mohamad, 2008). Maka, model Ulul Albab di perkenalkan di peringkat awalnya oleh Sekolah IMTIAZ di bawah Yayasan Terengganu pada tahun 1999, dan terdiri dari tiga komponen iaitu Quranik, Ensaiklopedik dan Ijtihadik (Adnan, A.A.Z., Ali, A.H. & Rahman, M.H.A., 2020).

Ulul Albab merupakan istilah daripada Bahasa Arab yang membawa maksud golongan yang cerdik pandai atau cendekiawan Muslim yang mempunyai jiwa dan akal yang besar dalam memahami disiplin ilmu agama (Zulkifli Mohamad, 2006). Istilah tersebut telah diulang sebanyak 16 tempat berbeza di dalam al-Quran, sekali gus menunjukkan kepentingan yang terdapat disebalik istilah tersebut (Arniyuzie Mohd Arshad, 2015).

Sehingga kini, terdapat banyak penyelidikan yang melibatkan kata kunci Ulul Albab. Usaha memahaminya tidak terhenti pada penyelidikan semata-mata, malah melibatkan penulisan buku, artikel jurnal, makalah dan sebagainya. Pada peringkat tinggi di institusi pendidikan, kursus-kursus, program-program telah rancak dijalankan dan memberi implikasi positif dalam diri pelajar termasuklah di Universiti Malaysia Terengganu.

Pembangunan modul Ulul Albab berjaya dilaksanakan serta digunakan oleh para pelajar yang bukan mengambil jurusan agama. Modul yang mengintegrasikan konsep asas dalam Ulul Albab tersebut berjaya memberi nilai tambah dan input penting dalam diri pelajar khususnya dalam menyeimbangi pengetahuan agama semasa di universiti dan bukan sekadar memenuhi jadual serta memperolehi markah semata-mata.

Konsep Ulul Albab yang direncanakan adalah berfokus kepada 3 perkara asas iaitu Quranik bererti kebolehan menghafaz 30 juzuk al-Quran serta memahaminya melalui makna dan tafsiran (Ahmad Amri Zainal Adnan, Muhammad Hasbi Abdul Rahman, et al, 2020). Dalam konteks pelajar pula, adalah kepimpinan diri pelajar yang

menguasai isi kandungan al-Quran dan beramal dengannya. Kedua, Ensiklopedik iaitu merupakan konsep IQ yang berkemampuan dan berpengetahuan serta berkemahiran tinggi. Para pelajar menjadi sumber rujukan serta menguasai pelbagai bidang ilmu akademik dan bahasa asing. Ketiga, Ijtihadik yang merupakan sebuah konsep yang merangkumi EQ dan SQ. Para pelajar berkeupayaan memberikan pandangan dalam penyelesaian permasalahan, memaksimumkan keupayaan berfikir, berfikiran kreatif dan inovatif serta berteknologi tinggi.

METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian ini, bentuk kajian dokumen telah digunakan bagi mengumpul data berkaitan Ulul Albab seperti dalam buku, jurnal, kertas kerja dan lain-lain. Manakala bentuk kuantitatif pula dilaksanakan secara atas talian melalui platform *Google Form* kepada 73 responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar universiti yang mengambil kursus Personaliti Ulul Albab di Universiti Malaysia Terengganu. Seterusnya, data diekspot dan dianalisis menggunakan *Microsoft Excel*. Statistik secara perbandingan dibuat bagi memfokuskan kepada kekurangan dan kekuatan hasil daripada soal selidik yang dijalankan. Sekali gus dapat mengetahui tahap keberkesanan penggunaan modul Ulul Albab terhadap pelajar UMT khususnya secara atas talian.


Selain itu, pada bahagian akhir soalan berbentuk tekstual turut diberikan bertujuan untuk mengetahui maklum balas responden apabila modul Ulul Albab ini dilaksanakan secara atas talian. Ia juga penting bagi melihat secara telus keberkesanan modul sepanjang penggunaannya secara digital.

PERBINCANGAN DAN ANALISIS

Seramai 73 orang responden daripada 5 kumpulan yang mengambil kursus Personaliti Ulul albab telah terlibat dalam soal selidik, mereka terdiri daripada pelbagai fakulti dan program, antara mereka 35.6% daripada Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial, 24.7% daripada Fakulti Perikanan dan sains Makanan, 20.5% daripada Fakulti Teknologi Kejuruteraan kelautan dan Informatik, dan 17.8% daripada Fakulti sains dan sekitaran Marin.

Manakala hasil kajian keberkesanan penggunaan modul Ulul Albab dapat dipecahkan melalui 7 graf perbandingan berdasarkan tema yang diberikan. Perbandingan tersebut adalah dengan mengambil kira keadaan atau tahap pengetahuan pelajar secara teori dan praktikal sebelum mengambil kursus Personaliti Ulul Albab (warna biru) dan selepas mengambilnya (warna oren). Perbincangannya adalah seperti berikut:


1. Tahap Pengetahuan Elemen-Elemen Ulul Albab



Graf 1: Perbandingan Pengetahuan Elemen Ulul Albab

Graf 1 mendapati 53.40% responden sangat tahu dan 42.50% sederhana tahu tentang elemen Ulul Albab iaitu Quranik, Ensiklopedik dan Ijtihadik. Manakala 1.40% sangat tidak tahu tentang elemen Ulul Albab. Melalui modul yang digunakan, setiap elemen Ulul Albab dijelaskan secara holistik dengan dalil-dalil yang berkaitan bagi memantapkan kefahaman pelajar.


2. Pengetahuan Tentang Sarjana Islam



Graf 2: Perbandingan Pengetahuan Sarjana Islam

Graf 2 mendapati 23% responden sangat mengenali tokoh dan sarjana Islam silam dan kontemporari, 70% sederhana dalam mengenali tokoh tersebut. Manakala 0% yang tidak mengenali tokoh dan sarjana Islam. Melalui modul yang digunakan, setiap elemen Ulul Albab diklasifikasikan tokoh dan sarjana Muslim silam dan kontemporari agar pelajar mengenali bidang tujuhan setiap daripada mereka secara jelas. Sarjana Ensiklopedik diberi penekanan yang lebih memandangkan mereka adalah tokoh yang menguasai bidang akademik dan bidang agama dalam satu-satu masa, seperti Ibnu Sina, al-Khawarizmi, al-Jazari dan sebagainya.


3. Pengetahuan Ciri-Ciri Sarjana Islam



Graf 3: Perbandingan Pengetahuan Ciri Sarjana Islam

Graf 3 mendapati 43.80% responden sangat mengetahui ciri-ciri sarjana Islam silam dan kontemporari, 47.90% sederhana dalam mengetahui ciri-ciri sarjana Islam. Manakala 1.40% yang sangat tidak mengetahui ciri tokoh dan sarjana Islam. Melalui modul yang digunakan, para pelajar dikehendaki mengeluarkan setiap sikap keperibadian sarjana Islam yang dipilih. Sikap tersebut termasuklah akhlak, nilai murni dan moral positif yang akhirnya membina kecemerlangan sarjana tersebut. Aktiviti ini dibuat secara berkumpulan bagi membolehkan para pelajar mengeluarkan idea masing-masing dan melakukan perbincangan dalam kumpulan sebelum dibentangkan secara terbuka.

4. Tahap Kekerapan Membaca Al-Quran




Graf 4: Perbandingan Tahap Kekerapan Membaca Al-Quran

Graf 4 mendapati 32% responden sangat kerap membaca al-Quran, 52% sederhana kerap dalam membaca al-Quran setelah mengambil kursus Personaliti Ulul Albab. dalam mengenali tokoh tersebut. Manakala 0% tiada bacaan al-Quran. Melalui modul yang digunakan, terdapat sesi talaqqi dan tasmik al-Quran surah lazim. Ketika bertalaqqi, para pelajar dikehendaki membaca Bersama-sama dan mencatatkan bacaan secara sendiri dengan panduan yang diberikan. Apabila pelajar mengetahui

bahagian yang penting dalam bacaan al-Quran, ia sekali gus memberi minat dalam meneruskan bacaan al-Quran secara kerap selepas mengambil kursus ini.

Meskipun pada tahap sederhana dan sangat kerap tidak mempunyai perbezaan yang banyak, namun ianya memadai dalam memberi perubahan kepada pelajar agar melazimi bacaan al-Quran secara konsisten walaupun dengan bacaan yang sedikit. Hal ini kerana para pelajar perlu menyeimbangkannya dengan tugas dan tanggungjawab di rumah kerana ia masih berada dalam situasi PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) dan kelas berjalan secara atas talian sepenuhnya.


5. Bilangan Surah Hafalan



Graf 5: Perbandingan Bilangan Surah Hafalan

Graf 5 mendapati 31.50% responden berjaya menghafal antara 21-30 surah al-Quran, 45.20% pula berjaya menghafal 16-20 surah al-Quran sama ada surah pendek (surah lazim) atau surah panjang (surah pilihan). Manakala 1.40% sahaja yang menghafal 15 surah. Melalui modul yang digunakan, terdapat sesi tasmik al-Quran surah lazim dan surah pilihan mengikut tahap kemampuan pelajar. Ramai dalam kalangan pelajar memilih untuk menghafal 20 surah lazim kerana mereka pada tahap pertengahan dalam penguasaan bacaan al-Quran.

Dalam hafalan yang dilakukan, elemen penilaian yang diambil kira ialah kelancaran dan tajwid. Maka telah berlaku peningkatan bacaan bertajwid secara tidak langsung seperti graf perbandingan di bawah:




Graf 6: Perbandingan Tahap Bacaan Tajwid Al-Quran

Graf 6 mendapati 21% responden berjaya mempraktikkan bacaan bertajwid sepenuhnya, 67% pula berjaya membaca secara bertajwid secara sederhana. Manakala 0% yang membaca al-Quran secara tidak bertajwid. Tajwid secara praktikal dalam bacaan adalah wajib, maka tidak hairanlah pelajar menguasai tajwid pada peringkat sederhana lebih tinggi daripada penguasaan tajwid sepenuhnya. Ia adalah kerana bacaan bertajwid perlu bersemuka agar lebih efektif serta waktu yang lebih Panjang, sedangkan kursus ini dijalankan secara online dan hanya 14 minggu mencukupi 1 semester.

Ringkasnya, tasmik dalam kursus ini adalah wajib bagi menggantikan peperiksaan akhir, meskipun dilakukan secara atas talian. Para pelajar memberi komitmen sepenuhnya dalam menghafal dan memperdengarkan hafalan dihadapan guru. Dalam masa yang sama perlu mempraktikkan bacaan yang bertajwid. Oleh itu, tidak hairan graf di atas menunjukkan perbezaan yang banyak sebelum dan selepas responden mengambil kursus ini.

6. Tahap Penghayatan Kerohanian Islam



Graf 7: Perbandingan Tahap Penghayatan Kerohanian Islam

Graf 7 mendapati 44% responden meningkatkan penghayatan kerohanian Islam selepas kursus, 52% pula adalah sederhana tinggi dalam penghayatan kerohanian. Manakala 0% yang pada tahap rendah dan sangat rendah. Penghayatan kerohanian Islam dalam diri pelajar ini amat penting kerana kursus Ulul Albab ini secara langsung membincangkan input-input penting menjadi Muslim yang berjaya di dunia dan akhirat dari sudut akhlak, teori dan praktikal. Pada akhirnya akan mampu membina personaliti Ulul Albab yang unggul berasaskan syariat Islam.

Para pelajar yang bukan mengambil program ke-Islaman secara khusus di UMT seharusnya diberi peluang untuk menyeimbangi jasmani dan rohani, maka dengan mengambil kursus ini pelajar secara jelas mampu meningkatkan tahap kesedaran kerohanian agama masing-masing. Ia dibuktikan dengan graf 7 yang membuat perbandingan sebelum dan selepas mengambil kursus Personaliti Ulul Albab.

Seterusnya ialah maklum balas secara tekstual oleh responden tentang kelebihan dan kekurangan Modul Ulul Albab apabila dijalankan secara atas talian.

Kelebihan Modul Ulul Albab Secara Atas Talian

Kelebihan pembelajaran secara atas talian adalah seperti berikut:

- Mempunyai banyak masa untuk menyiapkan tugas
- Belajar secara sendiri dan mengetahui kelemahan dan kekuatan sendiri
- Menjimatkan masa untuk beralih kepada kelas seterusnya
- Memanfaatkan masa dengan membaca al-Quran di rumah dengan keluarga
- Pelajar lebih berfikir kreatif dalam melakukan tanggungjawab kursus
- Dapat bimbingan daripada ahli keluarga yang mahir
- Ahli keluarga dapat mendengar bersama ketika sesi kuliah dan talaqqi
- Mengurangkan rasa bimbang dan takut apabila sesi tasmik berlangsung

Kelemahan Modul Ulul Albab Secara Atas Talian

Kelemahan pembelajaran secara atas talian adalah seperti berikut:

- Kemampuan capaian internet yang lemah dan tidak stabil khususnya kepada pelajar yang tinggal di pedalaman
- Kekurangab kesediaan alat teknologi dalam pembelajaran seperti komputer, tablet, telefon pintar, mesin pencetak dan komputer riba
- Keterbatasan waktu antara sesi pembelajaran dengan sesi latihan pelajar
- Sesi tasmik lebih berkesan secara bersemuka
- Kurang kemahiran pembelajaran sendiri ketika membaca al-Quran
- Mudah untuk hilang fokus ketika sesi kuliah berlangsung
- Tiada kemahiran dalam berkomunikasi secara bersemuka
- Kelemahan dari sudut pemakaian ketika kuliah
- Berlaku ketidaktelusan ketika sesi tasmik

PENUTUP

Secara rumusannya, Modul Ulul Albab memberi kesan yang positif dalam peningkatan tahap pengetahuan pelajar sama ada teori mahu pun praktikal meskipun dijalankan secara atas talian sepenuhnya. Hal ini dapat dilihat keadaan sebelum dan selepas mengambil kursus ini, para pelajar mengetahui secara teori elemen Ulul Albab dan ciri-cirinya agar mampu diaplikasi dalam diri pelajar.

Manakala dari sudut praktikal dapat dibahagikan kepada tiga perkara. Pertama ialah pelajar mampu membaca al-Quran secara bertajwid. Kedua, pelajar berjaya untuk menghafal al-Quran sama ada hafalan surah lazim atau surah pilihan. Ketiga, pelajar mampu menghayati kerohanian Islam dengan lebih berkesan dan ia mampu berkekalan dalam diri pelajar. Penghayatan kerohanian Islam ini bukan sahaja dari sudut membaca al-Quran dan pengetahuan Ulul Albab semata-mata, bahkan semua nilai-nilai murni dan akhlak terpuji dapat dipraktikkan dalam diri mereka.

Dapatlah disimpulkan bahawa walaupun kursus ini dijalankan secara atas talian, namun berjaya menunjukkan keberkesanan pada modul yang diberikan serta memberi peningkatan kerohanian yang signifikan kepada para pelajar. Diharapkan semoga kursus seumpama ini diteruskan serta diaplikasikan kepada institusi-institusi pendidikan tinggi yang lain, lebih-lebih lagi kepada institusi pendidikan tinggi yang tidak mempunyai Fakulti Pengajian Islam secara khusus.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada Universiti Malaysia Terengganu, di bawah geran *Scholarship of Teaching and Learning Grant* (SoTL) 2020, CRIM, Universiti Malaysia Terengganu nombor penyelidikan: UMT/PPBI/2-2/2/22 (51)-55199 dan juga penghargaan kepada *Quranic Research Interest Group* (QRIG), Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan (PPAL).

RUJUKAN

- Adnan, A.A.Z., Ali, A.H. & Rahman, M.H.A. 2020. 'Designing Firdaus 2050': Kerangka Pembangunan Insan Berteraskan Model Ulul Albab. Prosiding E-Seminar Penyelidikan Kebangsaan 2020, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, UPSI, 167173.
- Adnan, A.A.Z., Rahman, M.H.A., Kasan, H., and Yaakob, M.F.M. (2020) The Ulul Albab Thinking Model for Student Development in Institutions of Higher Education, *Psychology and Education*, (2020) 57(8): 550-557.
- Arshad, A.M. (2015). Ulasan Sistemik: Program Ulul Albab Dalam System Pendidikan Di Malaysia. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 3(4): 2235.
- Azuara, S., Abidin, S. Z., & Hassan, Z. (2021). Keberkesanan Pembelajaran dan Pengajaran dalam Talian (e-Pembelajaran) terhadap Pembelajaran Pelajar di Kolej Komuniti Hulu Langat. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 10(2), 1-14.
- Dalhat, Y. (2015). The Concept of al-AQL (Reason) in Islam. *International Journal of Humanities and Social Science*, 5, 9(1), 77-83.
- Ibrahim, S. S. B. (2015). Ciri Sahsiah Dalam Pemilihan Pelajar Ke Program Ulul Albab Maktab Rendah Sains MARA Gemencheh, Negeri Sembilan. *Universiti Putra Malaysia*.
- Ismail, F. Z., Yusof, N. H., Osman, A. F. A., Embong, R., Omar, N., Abdelgelil, M. F. M., ... & Rashid, R. A. (2020). Strategi Murajaah al-Quran bagi Huffaz di Peringkat Tertiari [Strategies in Murajaah al-Quran for Huffaz at The Tertiary Level]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, 3(4), 177-189.
- Ismail, S. N., Abdullah, Z., Komariah, A., Kurniatun, T. C., Kurniady, D. A., Sunaengsih, C., & Sanjaya, A. J. (2020). Influence of the Professional Learning Community of Malay Language teachers at the transformation school in Selangor. *International Journal of Innovation, Creativity and Change*, 12(6), 236-254.
- Ismail, S. N., Abdullah, Z., Othman, A. J., & Shafie, S. (2018). Amalan Komuniti Pembelajaran profesional dalam kalangan guru Bahasa Melayu di Selangor. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 5(4), 1-19.
- Kasim, Y. (2017). Rentetan Sumbangan Bakti Ke Arah Melahirkan Generasi Ulul Albab di Bumi Besut. *Majlis Kebajikan Pelajaran Besut: Terengganu*.
- Mohamad, Z. (2006). *Ulul Albab Konsep dan Pengertian menurut Syarak. Majlis Agama Islam dan Adat melayu Terengganu: Terengganu*.
- Mohamad, Z. (2008). *Tafsir Al-Quran Ayat-Ayat Ulul Albab. Percetakan Yayasan Islam Terengganu: Terengganu*.
- Subirin, N. A., Alwi, N. H., Fakhruddin, F. M., Manaf, U. K. A., & Salim, S. S. (2017). Ulul Albab Generation: Roles of Ulul Albab Teachers in Malaysian Selected School. In *Proceedings from 4th International Conference on Educational Research and Practice* (Vol. 7, pp. 1022-1032).
- Subirin, N. A., Alwi, N. H., Fakhruddin, F. M., Manaf, U. K. A., Salim, S. S. (2017). Ulul

Keberkesanan Modul Ulul Albab secara atas talian: Satu kajian di Universiti Malaysia Terengganu

Taib, M. R. (2016). RekaBentuk Model Kepimpinan Ulul Albab Maktab Rendah Sains MARA. PhD thesis, Universiti Malaya: Kuala Lumpur.